



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**21 Mei 2021
9 Syawal 1442H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Perikanan laut dalam lumpuh
Berita Harian	
Harian Metro	
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Tekong, awak-awak hilang di laut
Sinar Harian	
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

Dua nelayan tidak pulang selepas tangkap ikan di perairan Kuala Terengganu

Tekong, awak-awak hilang di laut

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

KUALA TERENGGANU — Dua nelayan yang keluar ke laut menggunakan bot kelas A dikhawatiri hilang di perairan daerah ini selepas mereka tidak pulang ke jeti mengikut jadual yang ditetapkan kelmarin.

Tekong bot, Jaafar Suliong dan seorang awak-awak dikenali Baharuddin, 30-an juga gagal dihubungi oleh keluarga masing-masing sebelum kehilangan mereka dimaklumkan kepada Maritim Malaysia (APMM).

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd. Ramli berkata, operasi mencari dan menyelamat kedua-dua nelayan tersebut telah diaktifkan pada pukul 940 pagi semalam.

"Aset APMM seperti Kapal Maritim (KM) Gemira, Bot Maritim Pengawal 16 dan pesawat udara maritim AW139 telah digerakkan untuk mengesas kedudukan terkini bot dinalik kedua-dua mangsa.

"Kita percaya bot yang dinaliki mereka telah mengalami kerosa-



BOT yang digunakan oleh Jaafar dan Baharuddin ketika menangkap ikan di perairan Kuala Terengganu kelmarin.

kan dan kini telah tersadi di perairan daerah ini," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Katanya, mangsa sepatutnya pulang semalam, bagaimanapun cubaan ahli keluarga untuk menghubungi mereka gagal.

Muhammad Suffi berkata, berdasarkan laporan meteorologi, cuaca di perairan Terengganu pada waktu ini adalah baik dengan tiada amaran angin kencang, laut bergelora maupun amaran hujan berterusan serta ribut.

Tambah beliau, operasi mencari dan menyelamat Jaafar dan Baharuddin turut dibantu dengan aset-aset daripada Jabatan Perikanan dan komuniti nelayan tempatan.

JAAFAR

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		



JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		4	21/05/2021
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

Perikanan laut dalam lumpuh

Dari muka 1

Di PERLIS, industri perikanan di Kuala Perlis semakin ‘nazak’ apabila pengusaha terpaksa menanggung kerugian hampir RM23 juta berikutan lebih 70 daripada keseluruhan 150 pengusaha bot tidak dapat turun ke laut sejak 15 bulan lalu.

Ini ekoran kegagalan ratusan pekerja warga Thailand kembali semula ke negara ini berikutan penutupan pintu sempadan.

Lebih malang, ramai dalam kalangan pengusaha terpaksa menjual bot apabila sudah tidak mampu lagi menanggung kerugian khususnya dari segi kos penjagaan.

Mereka terpaksa mengelurkan modal sendiri dan dalam masa sama pengusaha tersebut tidak mempunyai pendapatan selepas sekian lama tidak dapat turun ke laut.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengurus Persatuan Perniagaan Ikan dan Pengusaha Bot Kuala Perlis, **Liew Seak Tong** berkata, setiap bulan dianggarkan pendapatan seorang pengusaha bot adalah RM10,000 hingga RM15,000 dengan kemampuan memperoleh RM150,000 dalam tempoh 15 bulan.

Katanya, apabila tidak dapat turun ke laut, para pengusaha tersebut hilang pendapatan ki-

ra-kira RM1.5 juta sebulan dan dalam tempoh 15 bulan kerugian boleh mencapai sehingga RM23 juta.

Jelasnya, dari segi penjagaan dan baik pulih bot, para pengusaha dianggarkan mengalami kerugian sekitar RM5,000 sebulan atau RM750,000 dalam tempoh 15 bulan.

“Masalah ketiadaan pekerja cukup menghantui para pengusaha di sini apabila hanya sekitar 20 atau 30 peratus sahaja bot yang keluar ke laut ketika ini.

“Jika sebelum ini, para pengusaha boleh menghasilkan lebih 60 hingga 70 tan metrik ikan sehari namun kini, hanya 10 tan sahaja,” katanya.

Di KEDAH, Seramai 400 pengusaha bot laut dalam mendakwa terpaksa menanggung kerugian kira-kira RM300 juta apabila tidak dapat turun ke laut.

Pegawai Khas Pertubuhan Pemilik Bot Ikan Negeri Kedah, **S. Sivakumar** berkata, jumlah kerugian besar itu terpaksa ditanggung apabila bot mereka tersadi selepas tidak dapat keluar menangkap hasil laut kerana masalah kekurangan tekong dan awak-awak rakyat asing.

Menurutnya, keadaan tersebut dijangka berlarutan dan boleh melumpuhkan industri laut dalam.

Katanya, industri perikanan

“Kami berdepan risiko gulung tikar jika pekerja perikanan warga asing terus tidak diberi kelongsongan untuk memasuk dan bekerja dalam sektor perikanan laut dalam.”

PEMILIK BOT

laut dalam di negeri ini sahaja memerlukan kira-kira 2,000 pekerja asing tersebut,” katanya.

Di PERAK, nelayan laut dalam di sini berisiko gulung tikar setelah tidak dapat turun ke laut sejak lebih setahun di sebabkan larangan kemasukan pekerja asing.

Kerana tiada pekerja, bot mereka terus tersadi tidak bergerak sejak lebih setahun lalu, menyebabkan mereka tida-

da pendapatan.

Akibatnya, mereka kini berdepan dengan pelbagai

masalah terutama untuk membayar balik hutang pinjaman bot dengan pihak bank.

Selain itu, bot mereka yang lama tersadi akan menyebabkan enjin rosak selain kos penyelenggaraan yang semakin tinggi.

Seorang pemilik bot laut dalam di Bagan Panchor, **Tneh Zi Seng**, 27, berkata, keadaan mereka semakin terdesak kerana larangan tersebut.

“Kami berdepan risiko gulung tikar jika pekerja perikanan warga asing terus tidak diberi kelongsongan untuk memasuk dan bekerja dalam sektor perikanan laut dalam,” katanya.

Di KELANTAN, kira-kira 400 pengusaha bot laut dalam di Pasir Putih dan Bachok berharap kerajaan mencari penyelesaian terhadap kerugian yang mencecah RM300 juta akibat ketiadaan nelayan warga asing.

Mereka mendakwa rayuan dan memorandum berkaitan yang dihantar kepada pihak kerajaan bagaiman ‘surat layang’ yang tidak berharga kerana tidak ada sebarang maklum balas diterima.

Wakil pengusaha bot laut dalam Tok Bali, **Ismail Zakaria**, 59, berkata, daripada 115 bot laut dalam di kawasan itu, hanya tinggal 25 bot masih beroperasi.

Menurutnya, apabila Pas La-

watan Kerja Sementara (PLKS) dikuatkuasa ia jadi lebih merumitkan ditambah pula kekangan pandemik Covid-19 yang menghalangkannya masuknya warga asing ke negara ini.

“Masalahnya sekarang ada kira-kira 700 nelayan asing yang terkandas gagal pulang ke negara asal tetapi terpaksa ditanggung makan minum mereka setiap hari di sekitar Tok Bali dan Bachok,” katanya.

Di PULAU PINANG, Pengurus Persatuan Nelayan Teluk Bahang, **Johari Mohamad** memberitahu, tempoh PKP sepututnya memberi kelebihan dan keuntungan kepada para nelayan pantai apabila hasil tangkapan laut mereka bertambah berbanding sebelum ini.

Ini kerana jelasnya, ancaman bot pukat tunda terutama daripada bot nelayan asing kini berkurangan hampir 50 peratus ekoran pelaksanaan PKP sejak awal tahun ini.

Namun jelasnya, kegembruan nelayan yang berjaya membawa naik lebih banyak hasil laut tidak berpanjangan apabila orang tengah menawarkan harga terlalu rendah untuk memborong tangkapan mereka.

“Alasan yang diberikan mereka juga adalah disebabkan PKP, maka permintaan hasil laut dari apabila pengguna berkurangan,” katanya.